

KALI PERTAMA

Memulakan

Bisnes Internet



Disediakan Oleh :

Mohd Amiol

www.PeluangInternet.com

NOTIS PENTING

Laporan ini adalah edaran **PERCUMA** yang disediakan oleh [Mohd Amiol](#). Tiada mana – mana bahagian dalam laporan ebook ini boleh disalin, ditiru atau diduplikasikan dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran daripada pihak penulis.

SYARAT & TERMA

[**BOLEH**] diberikan kepada sesiapa sahaja

[**BOLEH**] dijadikan sebagai bonus kepada produk anda

[**TIDAK BOLEH**] dijual kepada sesiapa menerusi apa – apa cara sekalipun.

[**TIDAK BOLEH**] diubah isi kandungannya sama ada mekanikal atau digital.

[**TIDAK BOLEH**] disalin, ditiru atau dicetak dalam apa jua bentuk sekalipun

PENAFIAN

Segala maklumat yang disediakan di dalam laporan ini adalah perkongsian informasi sahaja menerusi pengalaman yang dilalui oleh penulis.

Pihak penulis sama sekali tidak akan bertanggungjawab untuk apa – apa masalah yang timbul semasa atau selepas anda menggunakan informasi yang diberi.

Segala usaha dilakukan bagi memastikan informasi yang diberikan adalah tepat namun sebarang kekurangan informasi adalah diluar kawalan pihak penulis.

Pengenalan

Jika anda telah berjaya menjana wang di internet, ia adalah merupakan satu pengalaman yang amat menggemirakan serta tidak mungkin akan dilupakan sepanjang hayat anda. ☺

Saya telah mendapat banyak pertanyaan daripada rakan – rakan yang ingin tahu bagaimana untuk memulakan perniagaan internet. Terus terang ingin saya katakan, saya bukanlah seorang yang “pakar”, atau “otai” ataupun layak menjadi “mentor” kepada anda, tetapi apa yang ingin saya kongsi hanyalah kisah permulaan saya dalam bidang perniagaan internet ini dan bagaimana saya boleh menjana “sedikit” wang.

Idea saya untuk menulis laporan ini timbul selepas seorang daripada rakan saya bertanya bagaimana saya memulakan perniagaan internet dan apa yang telah saya lakukan sehingga ke hari ini. Jadi, memandangkan beliau telah bertanya soalan ini, maka saya rasa saya patut kongsi pengalaman saya sewaktu baru berjinak – jinak untuk membangunkan perniagaan internet saya.

Jika anda masih belum menjana sebarang wang di internet, saya berharap dengan perkongsian kisah saya ini, dapat memberi satu semangat atau sebagai perangsang kepada anda untuk sama – sama menjadi seorang usahawan atau seorang peniaga di internet serta menjana pendapatan daripadanya.

Saya berani jamin bahawa anda juga MAMPU MENJANA PENDAPATAN menerusi internet jika anda memahami dan mengetahui bagaimana operasi serta langkah – langkah yang perlu anda ambil untuk membangunkan perniagaan anda.

Semua orang mampu menjana pendapatan di internet jika dilakukan dengan cara yang betul, dengan panduan yang betul serta ditambah dengan usaha tanpa kenal penat lelah.

Bermulanya Al-Kisah Pencarian Rezeki (^-^)

Saya mula berminat terhadap industri perniagaan internet ini selepas saya membantu “kawan” saya membina sebuah laman web untuk project e-commerce beliau sewaktu saya masih menuntut di UiTM lagi. Terus terang saya katakan, sewaktu itu, saya hanya tahu membina laman web berasaskan HTML sahaja. Itupun menggunakan Microsoft Frontpage. Apa itu php, apa itu asp, saya langsung tak tahu. ☺

Dalam proses membantu beliau, terdetik hati saya untuk mengetahui lebih lanjut apa itu “e-commerce”. Saya luangkan masa membaca buku beliau dan apa yang terkandung di dalam tu, satu pun saya tidak faham. Ebay, Amazon... “*Apa bendalah ni...*” saya berkata di dalam hati. ☺ Maka saya buat “**research**” di internet dan mencari apa – apa sahaja info berkaitan e-commerce. Dan ketika itulah hebohnya juga kisah Jutawan Internet Malaysia iaitu Dr. Irfan Khairi dengan pelancaran buku pertama beliau.

Dengan hasrat ingin tahu bagaimana untuk memulakan perniagaan internet, maka saya **beli buku** yang Dr. Irfan terbitkan iaitu “Rahsia Jutawan Internet Terbongkar”. Untuk seorang newbie seperti saya ketika itu, saya begitu teruja dengan apa yang beliau coretkan.

Saya mula mengenal apa itu Domain, Hosting, Autoresponder, Produk Digital dan pelbagai macam lagi. Tak cukup dengan buku tersebut, saya buat “**research**” tambahan di internet. Macam – macam saya cari, ulangkaji, beli ebook sampaikan ebook “sampah” pun saya beli. Yelah, orang nak belajarlah katakan.

Namun, lepas graduate sahaja dari UiTM, saya mula terlibat dengan Multilevel Marketing (MLM). Waktu itu terlupa sebentar tentang perniagaan internet. Biasalah, terpengaruh dengan kata – kata upline yang cukup indah dan manis. Akan tetapi saya boleh dikatakan berjaya juga dengan MLM ini sehinggakan telah menjadi salah seorang orang penting syarikat.

Oleh kerana semangat untuk menjalankan MLM ini tinggi pada ketika itu, maka saya belajar buat laman web autodownline. Masa itu lah baru kenal apa itu PHP.

Hari demi hari, saya dapati pendapatan MLM saya semakin berkurang... Mengapa? Kerana MLM yang saya buat waktu itu, bukanlah MLM TULEN... Ini kerana saya perlu menaja ahli – ahli baru untuk menjana pendapatan berterusan. Tiada ahli baru masuk, maka tiada pendapatan buat saya. ☹ Dan ketika itu baru saya sedar bahawa saya telah berada di landasan yang salah.

Sejak dari itulah bermulanya perjalanan saya sebagai “**peniaga**” internet. Berbekalkan sedikit kemahiran membina web yang telah saya pelajari, saya mula mengambil tempahan membina laman web. Waktu itu saya mengambil tempahan untuk membina web - web kumpulan MLM. (Ya, masih ada bau bau bacang dengan MLM lagi =p)

Saya **gunakan kelebihan** yang saya ada **walaupun sedikit** untuk menjana pendapatan. **Anda bagaimana?** Kaji kelebihan anda dan gunakan kelebihan itu untuk menjana pendapatan di internet. (p.s – jangan pula buat kerja tak elok =p)

Dalam masa yang sama juga, saya turut mencari apa yang boleh saya lakukan di internet supaya saya boleh mendapat pendapatan tambahan yang pelbagai sumber. Daripada Google Adsense, Pemasaran Affiliate, Pembinaan Produk, Produk – produk Resell Right, Membership, semuanya saya cuba dapatkan info – info yang sepatutnya.

Saya rasa waktu tu saya dah terlalu “**overloaded**” dengan ilmu – ilmu yang berkaitan. Pelbagai macam ilmu, pelbagai macam cara, pelbagai macam teknik buat duit saya pelajari sehinggakan pada satu tahap “**Aku blur!!!**”..... Itu yang akhirnya saya dapat... Saya dah mula keliru, mana satu yang ingin dimulakan... mana satu yang ingin saya lakukan.

Ebook A suruh sertai program affiliate untuk buat duit... Ebook B pula tunjuk cara jana pendapatan menerusi Google AdSense... Ebook C pula suruh jual barang di Ebay... Dan akhirnya saya jadi kelabu mata.... “Argh... susahnyaaaaa.....!”

Satu pun saya belum mulakan lagi. Sebaliknya, masa – masa saya banyak terbuang dengan melayari pelbagai macam jenis tempat dan forum. Banyak \$\$\$\$ turut saya “lebur”kan untuk mendapat pelbagai macam ebook yang mendakwa “bagaimana” menjana pendapatan dalam tempoh sekian – sekian jam atau hari.

(p.s kalaulah [Sistem Rahsia Amirul Faisyal](#) dah keluar waktu itu, mungkin saya tak akan hadapi masalah ini =p)

Akhirnya saya mula nampak “jalan yang bercahaya” untuk saya lalui selepas memberi **tumpuan** kepada beberapa tempat “hot” sahaja bagi mendapatkan ilmu. Satu panduan yang cukup baik yang telah mengubah “sedikit” hala tuju saya. Apa dia?

FOKUS!

Ya, saya perlu **fokus** dengan satu jenis perkara terlebih dahulu. Jika saya terus menerusi tidak fokus dan tidak memilih salah satu daripada bidang tersebut, saya tidak mungkin akan dapat menghasilkan wang. Inilah **1 kunci penting** yang perlu anda pegang!

Mengapa?

Sebab jika semua perkara saya ingin buat dalam satu masa, akhirnya, satu pun tidak akan terbuat.... Tetapi jika saya **fokus** dengan satu perkara terlebih dahulu, maka saya sudah boleh menyusun atur langkah saya dengan baik.

Saya rasa mungkin anda juga pernah atau sedang mengalami masalah yang sama bukan? Mungkin kadang kala sikap mahu mencuba kesemuanya membuat kita hilang **fokus**

dengan apa yang sepatutnya kita laksanakan. Pendek kata, kita tamak untuk mendapatkan segala - galanya. ☺

Perkara ini turut diterangkan oleh [Amirul Faisyal](#) dalam panduan [Sistem Rahsia](#) beliau.. (p.s - Untuk makluman, Amirul Faisyal dan saya, Mohd Amiol bukanlah orang yang sama ya. Jangan keliru pula. Nama kami sahaja lebih kurang sama, tetapi kami mempunyai rupa paras yang berlainan walaupun sama – sama “handsome”. lalalala =P)

Sememangnya terdapat banyak informasi yang sangat – sangat berguna di internet ini, tetapi jika anda sudah terlalu “overloaded” dengan pelbagai macam informasi, sungguh sukar untuk anda bermula.. malah mungkin tidak akan bermula langsung!

Selepas saya sudah memahami betapa perlunya **fokus** ini, saya mula “**menjejak**” apakah produk yang boleh saya jual. Di sini bermulanya pula titik tolak saya sebagai “**usahawan**” internet... Jika pada awal tadi saya sebagai peniaga (iaitu menyediakan perkhidmatan pembinaan laman web dan menjual script), kini saya menjadi usahawan pula... Saya mula mencipta ebook saya iaitu Panduan Sistem Affiliate dan Autoresponder.

Bagaimana saya dapat idea? Pada waktu itu, saya baru mengenali [WangCyber](#) dan saya dapati soalan – soalan yang sering ditanya adalah :

1. Macam mana nak pasang sistem affiliate?
2. Macam mana nak buat sistem autoresponder?
3. Macam mana nak buat borang pesanan?

Dari sini lah idea saya timbul. Iaitu daripada masalah – masalah ahli forum [WangCyber](#)! Berkat saya ada mempelajari serba sedikit tentang PHP sewaktu membina laman web autodownload MLM dahulu, saya cuba aplikasikan pengetahuan saya yang sedikit ini dalam bab pemasangan sistem affiliate, autoresponder dan borang pesanan.

Anda boleh mendapat idea dan menjana pendapatan dengan **memberi jalan penyelesaian** kepada masalah yang dihadapi oleh pengguna.

Pada bulan November 2006, saya berjaya menghasilkan panduan pertama saya iaitu panduan pemasangan sistem affiliate dan autoresponder. Waktu itu, ebook saya sangatlah asas dan dijual kepada rakan – rakan yang kenal saya sahaja.

Kemudian pada bulan Disember 2006, saya kemaskini serba sedikit ebook tersebut dan “rebrand” dengan nama baru iaitu “Pakej Lengkap Sistem Affiliate & Autoresponder”

Pendapatan Yang Menggembirakan Menerusi Internet

Dengan “sedikit” keyakinan dan memberanikan diri, pada Januari 2007 saya melakukan promosi secara agresif seperti beriklan di WangCyber, Portal – Portal Komuniti, Bharian.com.my dan web – web pengiklanan untuk Pakej Lengkap Sistem Affiliate & Autoresponder saya ini.

Percaya atau tidak, saya tidak mendapat sebarang bimbingan daripada sesiapa pun, saya tidak mempunyai sebarang testimonial untuk produk saya sekali pun malah tiada seorang “otai” pun membantu saya dalam memberi panduan untuk membina produk saya. Mereka pun mungkin tidak mengenali saya pada waktu itu. Malah mungkin sekarang pun mereka masih tak kenal saya. ☺

Mungkin anda bertanya kenapa saya tidak meminta tolong pakar – pakar perniagaan internet negara kita? Sebabnya adalah saya berasa agak segan untuk “approach” mereka malah saya cuba untuk tidak mengganggu mereka lagi kerana saya ingin **berusaha sendiri** terlebih dahulu.

Saya lebih suka untuk berdikari sendiri dan mencuba sendiri. Jika saya tidak dapat, barulah saya dapatkan bantuan daripada sesiapa yang patut. Dalam hal ini, rakan internet yang banyak membantu saya sewaktu ketika dahulu adalah saudara [Hilmi](#). Banyak juga hal yang saya pelajari daripada beliau. Lain – lain rujukan seperti tips dan motivasi saya

pelajari daripada blog – blog “otai”. Saya cuba aplikasikan apa yang saya perolehi terhadap perniagaan internet yang sedang dibina.

Bulan pertama sahaja pelancaran Pakej ebook saya tersebut, saya telah berjaya mendapat keuntungan bersih RM2500 ++ selepas ditolak dengan kos pengiklanan, komisyen affiliate (ya, rakan affiliate banyak juga membantu saya.. terima kasih untuk mereka!)

Mungkin anda tengok RM2500 sikit ya? Tapi itulah pengalaman saya apabila berjaya menghasilkan jualan terhadap “**produk ciptaan saya sendiri**”. Gembira tak terkata!

Tiap – tiap bulan berikutnya saya berhasil menerima keuntungan daripada ebook tersebut semimumimum RM1500 ++. Inilah perkara yang menggembirakan saya kerana ia adalah produk saya sendiri. ☺

Saya juga turut menjalankan Google AdSense, Affiliate Marketing, dan penjualan produk Resell Right / Master Resell Right untuk pasaran luar dan menerima pendapatan daripadanya. Tetapi kepuasan yang sebenar saya terima adalah apabila produk sendiri terjual.

Dan bukan itu sahaja, saya dapat lihat ramai yang telah berjaya menggunakan panduan saya ini dalam memasang sistem affiliate, borang pesanan dan sistem autoresponder. Itu yang paling memuaskan hati saya kerana saya dapat membantu mereka.

Pada bulan Mei 2007, saya telah berpeluang pergi ke World Internet Mega Summit di Singapore dan pada ketika itulah baru saya mengenali Zul SmartUsaha.com, Hafiz & Najmi cheapest-covers.com dan Galadriel dari internetmelayu.com. Saya berasa syukur dan gembira kerana berpeluang untuk berjumpa dengan mereka serta meluangkan masa selama 4 hari bersama. Satu pengalaman yang cukup berharga waktu itu. ☺

Banyak tips dan ilmu yang saya pelajari sewaktu di Seminar tersebut. Dan ini menjadikan saya lebih bersemangat untuk terus maju dan “berperang” di industri ini.

Balik daripada seminar tersebut, saya kembali mengemaskini Pakej Lengkap Sistem Affiliate & Autoresponder saya. Ini kerana saya cuba untuk mencantikkan serta menyusun atur olahan ayat dengan lebih baik lagi supaya ia menjadi lebih mudah untuk difahami. Malah saya cuba menambah beberapa info baru untuk pengguna dapat mengaplikasikannya dengan mudah.

Dalam masa yang sama, saya dapati ada seorang pesaing saya baru muncul! “*Isk, Kacau daun lah pulak*” detik hati saya =P... Produk yang pesaing baru saya ini tawarkan adalah “[Pakej Lengkap Perniagaan Internet](#)” yang mana beliau menawarkan video – video tutorial lebih 8 Jam untuk mengajar anda bagaimana cara memulakan perniagaan internet dari segi penyediaan pelan perniagaan sehinggalah kepada pembangunan laman web. Saya sendiri sebenarnya teruja melihat “[Pakej Lengkap Perniagaan Internet](#)” yang ditawarkan oleh saudara Mohd Najib walaupun beliau adalah pesaing saya!

Tapi tidak mengapa. Ini adalah satu saingan yang sihat dan membuat saya semakin bersemangat untuk saya lancarkan kembali Pakej Lengkap Sistem Affiliate & Autoresponder ini dengan nama baru iaitu “[Pakej Web Jualan](#)”. Kali ini saya fokuskan produk saya dengan pembinaan laman web jualan iaitu dari segi pemasangan sistem affiliate, autoresponder, sistem pesanan, sistem hubungi dan pembangunan laman web minisite yang ringkas.

Tidak disangka, sambutannya sangat memberangsangkan yang mana dengan **brand** baru, rupa baru dan isikandungan yang ditambah baru beserta mempunyai testimoni – testimoni pengguna produk saya, pada hari pertama pelancaran iaitu 7 Jun 2007, saya telah memperoleh hasil jualan yang agak tinggi walaupun saya hanya melakukan promosi pada 1 – 2 tempat sahaja.

Kadang kala sesetengah produk jika anda **kemaskini** dan **rebrand** baru, produk tersebut boleh menghasilkan jualan yang lebih lumayan. Jika anda sudah memiliki produk tetapi belum mendapat jualan atau baru sedikit jualannya, anda boleh lakukan sedikit perubahan dari segi brand, isikandungan dan juga rupanya. ☺

Pendapatan yang saya perolehi ini adalah jauh lebih kecil jika ingin dibanding dengan otai – otai perniagaan internet negara kita. ☺

Tetapi saya cukup gembira kerana mampu berusaha sendiri untuk menjana pendapatan di internet dan membuktikan bahawa internet mampu menjadi sebagai salah satu sumber pendapatan buat saya.

Saya juga yakin anda boleh melakukan seperti saya malah mungkin akan menjadi LEBIH HEBAT daripada saya. ;)

Berusaha Ke Arah Kejayaan

Umpama cogan produk Nike “**JUST DO IT**”, aplikasikan cogan ini dalam pembangunan perniagaan internet anda.

Jika anda berasa ragu – ragu, atau berasa tidak yakin, kejayaan tidak akan menyusuli anda. Saya sendiri telah melalui pelbagai saat kesukaran serta kegagalan tetapi saya teruskan melakukannya walaupun pernah juga mengalami kekecewaan yang tinggi.

Produk saya yang pertama adalah teruk (saya rasa kan begitu dan akui), tetapi saya cuba perbaiki dari semasa ke semasa malah tidak akan berhenti untuk memperbaiki produk saya yang sedia ada serta meningkatkan kualiti pada produk – produk yang akan datang.

Mungkin anda belum lagi menemui apa cabang atau bidang yang ingin anda ceburi, tetapi saya ingin sarankan kepada anda mulai hari ini supaya berhenti daripada membuang masa tidak tentu hala sebaliknya fokus dengan satu tajuk atau perkara terlebih dahulu.

Jika anda berminat untuk membina produk sendiri, maka pelajari tentang bagaimana untuk membina produk sendiri. Jangan pula sekejap anda ingin buat produk sendiri, dan

kemudian tiba – tiba ingin buat adsense pula. Percayalah, kerja anda tidak akan siap sampai bila – bila pun. Ingat pesanan saya, FOKUS.

Ilmu, Peralatan dan Wang

Untuk memulakan perniagaan internet, anda memerlukan ilmu dalam bidang yang ingin dimonopoli. Jika anda tidak mempunyai ilmu dalam apa jenis bidang yang ingin diceburi, anda tidak akan mampu melakukan apa – apa.

Jika anda memiliki ilmu, tetapi tidak pula memiliki peralatan yang sesuai untuk membangunkan perniagaan internet anda, maka hasilnya sama juga iaitu anda tidak boleh melakukan apa – apa. Maksud peralatan disini adalah seperti software, script dan produk yang betul untuk kegunaan perniagaan internet anda.

Jika anda memiliki ilmu yang cukup, peralatan yang cukup tetapi tidak pula memiliki wang (modal) untuk melakukan promosi terhadap perniagaan anda, maka anda tetap tidak dapat melakukan sebarang perubahan. Jika anda tidak mempunyai wang untuk menambahkan lagi ilmu anda, anda juga tidak akan dapat berkembang....

Erm? Adakah anda rasa memerlukan modal yang besar untuk menjalankan perniagaan di internet selepas apa yang saya nyatakan diatas? Jangan risau... Sebenarnya anda boleh memulakan perniagaan internet anda dengan modal yang sangat minima.

Gunakan sumber percuma terlebih dahulu untuk membangunkan perniagaan anda JIKA anda tidak memiliki sebarang modal. Saya juga begitu pada satu ketika dahulu. Sewaktu saya mula – mula ingin membangunkan perniagaan internet saya, saya hanya menggunakan sistem autoresponder dan sistem affiliate percuma sahaja untuk laman web saya. (semuanya seperti yang saya sediakan pada [Pakej Web Jualan](#)).

Kemudian saya gunakan hasil keuntungan yang saya perolehi untuk menambah baik dan mendapatkan perkhidmatan berbayar yang lebih banyak fungsinya serta canggih untuk mengembangkan lagi perniagaan saya. Nampak apa yang saya lakukan disini? Kembangkan perniagaan anda dengan keuntungan yang anda perolehi. Orang kata “**Duit Buat Duit**” ;-)

Satu cerita perumpamaan yang mungkin kita boleh adaptasikan untuk perniagaan internet kita semua :

Anda berniat untuk memancing maka anda pun pergi ke satu kolam yang penuh dengan ikan. Di kolam tersebut peluang untuk anda mendapat ikan sangatlah tinggi. Jadi, di sini untuk anda menangkap ikan, sudah semestinya anda memerlukan :

1. Serba sedikit ilmu memancing
2. Peralatan memancing (joran, mata kail, etc)
3. Umpan

Jika anda mempunyai ilmu memancing, tapi tak ada peralatan memancing dan umpan, maka anda tak akan dapat menaikkan seekor ikan pun. Jika anda ada ilmu memancing, peralatan memancing, tetapi tak ada umpan, maka tak berguna juga. Ikan tak akan makan mata kail sahaja tanpa umpan. ;-).

Umpan diperlukan untuk menaikkan ikan. Jika sedikit umpan yang kita ada, maka sedikitlah ikan yang dapat kita naik kan. Jika banyak umpan yang kita ada, maka peluang untuk kita mendapatkan lebih banyak ikan lebih terbuka. Jadi, di sini apa persamaannya dengan perniagaan internet?

Ilmu memancing = Ilmu perniagaan internet

Peralatan memancing = Peralatan untuk perniagaan internet anda

Umpan = Wang / Modal

Kolam = Internet

Ikan = Keuntungan

Ingat pesanan saya. Jangan pula bila anda dah dapat untung, anda lupa diri dan “enjoy” dengan wang yang diperolehi. Laburkan semula wang tersebut untuk mendapat ilmu tambahan, peralatan tambahan dan promosi tambahan terhadap perniagaan anda.

Memulakan perniagaan internet dengan sumber percuma

Gunakan teknologi hebat search engine untuk mendapatkan SUMBER – SUMBER ASAS untuk perniagaan anda terlebih dahulu. Jika anda tidak mampu untuk membeli ebook, maka gunakan kelebihan search engine untuk mencari informasi berkaitan bidang yang ingin anda pelajari.



The screenshot displays the Google Malaysia search engine interface. At the top, the Google logo is shown with 'Malaysia' underneath. Below the logo are navigation links for 'Web', 'Images', 'Groups', 'News', 'Scholar', and 'more x'. A search bar contains the text '"how to create an ebook"', with 'Google Search' and 'I'm Feeling Lucky' buttons. To the right of the search bar are links for 'Advanced Search', 'Preferences', and 'Language Tools'. Below the search bar, there are radio buttons for 'the web' (selected) and 'pages from Malaysia'. A link for 'Bahasa Malaysia' is provided. At the bottom of the search interface, there are links for 'Advertising Programs', 'About Google', and 'Go to Google.com'.

Results 1 - 10 of about 28,300 for "how to create an ebook". (0.12 seconds)

Web

[How To Create an eBook](#)
Create your own ebooks for fun and profit. Download FREE eBook template. Discover how to create your own ebooks and down loadable web products.
www.ezau.com/latest/articles/create-ebook.shtml - [Similar pages](#)

[Ebook Marketing: How to Drive Traffic to Your Site with Ebooks](#)
Offering a free guide on how to drive traffic to your site with ebooks.
www.web-source.net/ebook_creation.htm - 17k - [Cached](#) - [Similar pages](#)

[How to Create an eBook Using Visual C++](#)
Cover Image of [How to Create an eBook Using Visual C++](#) Welcome, fellow Visual C++ programmer. ... [How to Create an eBook Using Visual C++ 2nd Edition](#) ...
www.yeohhs.com/vc.htm - 47k - [Cached](#) - [Similar pages](#)

[how to create an eBook zip : Other > Manuals - Mininova](#)
[how to create an eBook](#) zip.torrent. To start this P2P download, you have to install a BitTorrent client like µTorrent or WYzo. Category: Other > Manuals ...
www.mininova.org/tor/860041 - 10k - [Cached](#) - [Similar pages](#)

[Create an ebook: EbooksWriter, the easy e-book creator software ...](#)
... How to create a Web site - How to create a manual - How to create a CDROM - [How to create an ebook](#) - How to create an autorun cd - create cdrom cd front ...
www.ebookswriter.com/ - 57k - [Cached](#) - [Similar pages](#)

[get how to create an ebook using visual](#)
store.esellerate.net/s.asp?s=STR518256995&Cmd=BUY&SKURefnum=SKU8092582675 - [Similar pages](#)

Sponsored Links

[How to Write an eBook](#)
How to write and publish your own eBook in as little as 7 days.
www.7dayebook.com

[eBook Compiler](#)
Make Stunning eBooks in minutes
Download your Free Version Today
DeskTopAuthor.com

[eBook Software](#)
Create your own ebook in a snap and sell it online.
www.ebookgold.com

[Create Info Products](#)
Finally, Simple Formula You Can Use To Be An Infoproduct Entrepreneur
www.infoproductcreator.com

Berusaha, Berusaha dan Berusaha!


Jangan MALAS! Itu yang ingin saya tekankan. Gunakan GOOGLE untuk mencari jalan penyelesaian anda.

Sikap anda menentukan kejayaan anda... Jika anda terus bertanya kepada si “pakar” tanpa membuat kajian terlebih dahulu, sudah pasti anda mungkin tidak akan dilayannya....

Contoh soalan :

“apa itu program affiliate?”, “macam mana nak buat database MySQL?”

Kadang kala soalan ringkas begini membuatkan si “pakar” malas untuk menjawab. Sebabnya? Ia sudah menunjukkan sikap kita yang tidak mahu berusaha terlebih dahulu. Percaya atau tidak, soalan – soalan tersebut sebenarnya boleh dijumpai menerusi Google!



The screenshot shows a Google search interface. At the top, the Google logo is on the left, and navigation links for 'Web', 'Images', 'Groups', 'News', 'Scholar', and 'more »' are on the right. A search box contains the text 'what is an affiliate program'. Below the search box, there are radio buttons for 'the web' (selected) and 'pages from Malaysia'. To the right of the search box are links for 'Advanced Search' and 'Preferences'. Below the search box, there is a link for 'New! View and manage your web history'. The search results section is titled 'Web' and shows 'Results 1 - 10 of about 117,000,000 for what is an affiliate program. (0.15 seconds)'. The first result is titled 'Web definitions for Affiliate Program' and includes a small icon of a book. The text of the result describes an advertising program offering a monetary incentive for webmasters to drive traffic to the advertiser's website. Below this, there is a link to 'www.100best-web-hosting.com/glossary.html - Definition in context'. The second result is titled 'Affiliate Programs - Your guide to the best web affiliate programs' and includes a small icon of a document. The text of the result describes a guide to the best web affiliate programs, associate programs and profit sharing. Below this, there is a link to 'www.affiliateguide.com/ - 78k - Cached - Similar pages'.

The screenshot shows a Google search interface with the query 'how to create mysql database'. The search results are displayed under the 'Web' tab, showing the first 10 results out of approximately 10,300,000. The results include links to MySQL 5.0 Reference Manual, various tutorials, and PHP-based guides for creating a MySQL database.

Web Images Groups News Scholar more »
how to create mysql database Search Advanced Search Preferences
Search: the web pages from Malaysia [New! View and manage your web history](#)

Web Results 1 - 10 of about 10,300,000 for **how to create mysql database**. (0.17 seconds)

MySQL AB :: MySQL 5.0 Reference Manual :: 3.3 Creating and Using a ...
First, you should **create** the **database**. In the **mysql** program, issue this statement: **mysql> CREATE DATABASE** menagerie; The examples below assume that you have ...
dev.mysql.com/doc/mysql/en/Database_use.html - 19k - [Cached](#) - [Similar pages](#)

MySQL AB :: MySQL 5.0 Reference Manual :: 3.3.2 Creating a Table
Creating the **database** is the easy part, but at this point it's empty, as SHOW TABLES tells you: **mysql> SHOW TABLES**; Empty set (0.00 sec) ...
dev.mysql.com/doc/refman/5.0/en/creating-tables.html - 19k - [Cached](#) - [Similar pages](#)
[[More results from dev.mysql.com](#)]

mysql primer - creating a database - mysql create database command ...
mysql primer - creating a database - mysql create database command - mysql show databases command at webdevelopersnotes.com.
www.webdevelopersnotes.com/tutorials/sql/mysql_primer_creating_a_database.php3 - 23k - [Cached](#) - [Similar pages](#)

Create MySQL Database With PHP
PHP also provide a function to **create MySQL database**, `mysql_create_db()`. This function is deprecated though. It is better to use `mysql_query()` to execute an ...
www.php-mysql-tutorial.com/create-mysql-database-with-php.php - 13k - [Cached](#) - [Similar pages](#)

Create New MySQL Database
You need to use `mysqladmin` to **create MySQL database**. The command is simple just write `mysqladmin` in a dos window followed by the **database** name you want to ...
www.php-mysql-tutorial.com/mysql-tutorial/create-new-mysql-database.php - 9k - [Cached](#) - [Similar pages](#)

Creating the MySQL database

Bagaimana? Senang sahaja nak dapat jawapan untuk persoalan anda kan?

Perkara – perkara ASAS sebegini sebenarnya telah banyak dibincangkan. Jadi “usaha” sedikit untuk mencari maklumat yang anda perlukan.

Iniilah yang saya lakukan pada ketika dahulu. Saya tidak terus menerus menghubungi si “pakar” kerana saya tahu, saya mungkin tidak akan dilayan. Google menjadi “tok guru” saya yang pertama dalam perniagaan internet.

Bayangkan jika anda bertanya kepada si “pakar” untuk menerangkan langkah demi langkah apa itu perniagaan internet, apa itu blog, apa itu affiliate dan sebagainya... Sudah semestinya beliau tidak melayan anda.

Apabila seseorang itu telah menjadi “pakar”, maka tugas dan kerja beliau menjadi semakin bertambah. Maka agak mustahil untuk beliau melayan persoalan remeh temeh yang mengambil masa beliau yang seharusnya digunapakai untuk mengembangkan lagi

perniagaannya. Malah masa anda juga akan terbuang kerana terpaksa menunggu respon mereka.

Oleh itu, berusahalah sendiri terlebih dahulu. Jangan terlalu manja untuk disuap. ☺ Percayalah, mungkin pada mulanya anda berasa si “pakar” menyombong kerana tidak menjawab soalan anda...Jangan terlalu mengharap mereka untuk membantu anda sepenuhnya. ☺

Masa mereka adalah sangat terhad. Begitu juga dengan kita. Daripada menunggu respon mereka, sebaiknya kita cari sendiri. (p.s – sesetengah “pakar” atau “guru”, mengenakan caj untuk setiap soalan yang ingin ditanya! Contoh : <http://www.johndelavera.com/ask>. Bayangkan betapa “berharga”nya masa mereka untuk melayan kerenah kita ni...)

Jangan Bersusah Payah, Buat Yang Paling Senang!

Kadang kala perkara yang menyebabkan sesuatu perniagaan internet itu gagal dilancarkan dengan segera apabila anda ingin menjadi **terlalu sempurna**. Jangan buang masa dengan benda – benda remeh temeh seperti inginkan design yang terlalu cantik, atau yang canggih. Mungkin sesetengah pihak mengatakan design sesuatu web mampu mempengaruhi kuasa membeli. Mungkin juga... Tepuk dada, Tanya selera. ☺

Tetapi kalau anda belum berkemahiran untuk buat design, atau belum ada modal untuk membuat tempahan design, teruskan sahaja usaha anda untuk menjual produk yang telah disediakan.

Saya sendiri memiliki beberapa laman web yang tiada design yang khusus atau cantik. Saya hanya membina sebuah laman web kosong sahaja tanpa design TETAPI saya penuhi dengan “ayat jualan” yang menerangkan faedah produk – produk yang saya jual.

Dan untuk makluman anda, walaupun tiada design yang cantik tetapi saya tetap menghasilkan jualan! ☺ Ops, tidak lupa juga, pastikan produk anda itu merupakan produk yang bagus dan mempunyai permintaan. Jika tiada permintaan, tak mungkin juga jualan dapat dihasilkan. ☺

Tiada produk, tak boleh berniaga?

Jika anda tidak memiliki produk sendiri, mungkin anda boleh dapatkan produk – produk yang mempunyai kebenaran (lesen) jual semula. Itu jika produk digital. Banyak produk – produk yang mempunyai lesen Resell Right, Master Resell Right atau Private Label Right yang boleh dijadikan sebagai produk anda.

Sebagai contoh, selain menjual produk ciptaan saya sendiri iaitu Pakej Webjualan, saya juga turut menjual produk Master Resell Right, Resell Right dan juga Private Label Right di pasaran luar.

Peluang berniaga sentiasa ada di depan mata. Hanya tinggal untuk kita menggapainya atau membiarkan ia berlalu begitu sahaja. Yang penting untuk anda memulakan perniagaan internet anda adalah :

1. Cari produk atau cipta produk sendiri(jika mampu)
2. Bina laman web yang mudah untuk memasarkan produk tersebut
3. Lakukan promosi dengan fokus tanpa henti. Jika dapat mencari rakan JV, lagi bagus!

The screenshot shows a PayPal account interface with a search filter set to 'Payments Received' and a date range from July 1, 2007, to July 10, 2007. Below the search filters is a table of payments received. The table has 11 columns: Date, Type, To/From, Name/Email, Status, Details, Action, Gross, Fee, and Net Amount. The data shows 14 payment transactions, all of which are 'Completed' and from 'From' sources. The gross amounts range from \$17.00 USD to \$39.00 USD, with fees ranging from -\$0.88 USD to -\$1.63 USD, resulting in net amounts between \$16.04 USD and \$37.37 USD.

Date	Type	To/From	Name/Email	Status	Details	Action	Gross	Fee	Net Amount
Jul. 9, 2007	Payment	From	[REDACTED]	Completed	Details		\$17.00 USD	-\$0.88 USD	\$16.12 USD
Jul. 9, 2007	Payment	From	[REDACTED]	Completed	Details		\$17.00 USD	-\$0.96 USD	\$16.04 USD
Jul. 9, 2007	Payment	From	[REDACTED]	Completed	Details		\$37.00 USD	-\$1.56 USD	\$35.44 USD
Jul. 9, 2007	Payment	From	[REDACTED]	Completed	Details		\$37.00 USD	-\$1.56 USD	\$35.44 USD
Jul. 8, 2007	Payment	From	[REDACTED]	Completed	Details		\$24.00 USD	-\$1.12 USD	\$22.88 USD
Jul. 8, 2007	Payment	From	[REDACTED]	Completed	Details		\$24.00 USD	-\$1.12 USD	\$22.88 USD
Jul. 8, 2007	Payment	From	[REDACTED]	Completed	Details		\$24.00 USD	-\$1.12 USD	\$22.88 USD
Jul. 6, 2007	Payment	From	[REDACTED]	Completed	Details		\$39.00 USD	-\$1.63 USD	\$37.37 USD
Jul. 4, 2007	Payment	From	[REDACTED]	Completed	Details		\$17.00 USD	-\$0.88 USD	\$16.12 USD
Jul. 3, 2007	Payment	From	[REDACTED]	Completed	Details		\$17.00 USD	-\$0.96 USD	\$16.04 USD
Jul. 3, 2007	Payment	From	[REDACTED]	Completed	Details		\$17.00 USD	-\$0.88 USD	\$16.12 USD
Jul. 1, 2007	Payment	From	[REDACTED]	Completed	Details		\$17.00 USD	-\$0.96 USD	\$16.04 USD

Rajah diatas adalah antara transaksi hasil jualan produk – produk Resell Right / Master Resell Right yang saya telah jual. Walaupun bukan produk saya sendiri, tetapi saya tetap boleh menghasilkan jualan dan keuntungan.

Namun. jika anda seorang yang berminat untuk menjual produk fizikal, anda boleh dapatkan produk – produk tersebut daripada pemborong dan pasarkan menerusi internet. Atau mungkin anda mengusahakan perniagaan jualan langsung, maka anda boleh pasarkan produk – produk jualan langsung anda menerusi internet!

Anda tidak perlu menjadi seorang pencipta untuk membuat jualan tetapi sebaliknya anda boleh menjadi seorang penjual. Gunakan segala peluang yang sedia ada untuk menjana wang. Pelbagai macam jenis produk yang sedia ada yang boleh anda pasarkan seperti kraftangan, pakaian, dan lain – lain perkara. Carilah produk – produk yang sesuai yang mempunyai potensi untuk dijual dan seterusnya pasarkan produk tersebut dengan bersungguh – sungguh.

Jika anda masih juga tidak mampu untuk mencari atau mendapatkan produk yang boleh dijual sendiri, maka satu cara lain adalah dengan menyertai program affiliate yang dirasakan mempunyai potensi untuk memberi pendapatan kepada anda. Kebiasaannya program affiliate adalah percuma untuk disertai dan ini adalah merupakan salah satu cara untuk anda mula mendapat pendapatan tanpa sebarang modal!

Anda hanya perlu mencari program affiliate yang menawarkan produk – produk yang ternyata mampu dijual (mempunyai permintaan) dan kemudian pasarkan (promosi) dengan bersungguh – bersungguh mengikut saluran yang betul. Jangan pula melakukan SPAM, atau membuat promosi pada tempat yang salah. ☺

Terpulang kepada anda untuk menyertai program Affiliate di dalam Malaysia ataupun di luar Malaysia. Bagi saya, sertai kedua – duanya pun boleh asalkan ia mempunyai potensi.

Ingat, bila anda sudah memilih sesuatu bidang atau perkara yang ingin dilakukan, **fokus** dengan perkara tersebut. Jangan buat sekerat jalan sahaja kerana anda mungkin tidak akan mendapat apa – apa keuntungan. Tujuan anda adalah untuk mencari rezeki tambahan. Jadi, berusahalah. ☺

Congratulations! You Got a Commission! [Inbox](#)

★ **"edmund@privatelabelrightsgold.com"** [show details](#) 10:36 pm (58 minutes ago) [Reply](#)

Dear Mohd Amiol!

You got a commission of \$49.50!
A product PLRGold Master Rights Pack 5 was sold for \$99.00
within package "PLRGold - 3 Installments"

Please keep it up the great endorsement efforts!

-- PLRGold Affiliate Program
<http://www.privatelabelrightsgold.com>

Support Helpdesk:
<http://www.amloh.com/>

Rajah di atas adalah bukti komisyen yang saya perolehi untuk salah satu program affiliate yang saya sertai. USD49.50 (~RM170) untuk satu malam sahaja. Menarik bukan? Dan untuk pengetahuan anda, komisyen ini saya terima sewaktu saya sedang menaip laporan ini untuk diedarkan kepada anda. Walaupun saya sedang buat kerja lain, tetapi dalam masa yang sama ada sumber (paip) lain yang sedang menyumbang pendapatan kepada saya.

Sekarang anda sudah nampak akan **potensi peluang mencari rezeki di dunia internet**. Daripada mencipta produk sendiri, atau menjual produk sedia ada ataupun menjadi agen kepada produk tertentu, semuanya mampu anda lakukan untuk meraih pendapatan di internet.

Percayalah, ia tidak mustahil untuk dilaksanakan. Ia juga tidaklah sesukar mana untuk dijalankan. Apa yang perlu adalah **kesanggupan** anda untuk **belajar** menguasainya dan seterusnya **mengaplikasikan** apa yang dipelajari. ☺ Hentikan segala aktiviti atau penglibatan anda dalam mana – mana program jana wang yang menjanjikan anda dengan ganjaran tertentu supaya anda boleh cepat kaya. Anda tidak akan kaya selagi anda tidak berusaha dengan jalan yang betul. ☺

Cukup... Jangan buang masa anda lagi!

Rancangkan perkara yang harus anda lakukan sebaik sahaja anda selesai membaca laporan saya ini.

Catitkan apa perancangan anda, apa matlamat anda dan buat jadual untuk melaksanakan perkara tersebut. Jika anda mempunyai diari, maka buat jadual anda. Saya tidak pandai menggunakan diari, tetapi saya gunakan satu whiteboard yang diletakkan di dalam bilik untuk saya catitkan tugas – tugas yang perlu saya laksanakan. Apabila anda lakukan jadual untuk apa yang anda ingin laksanakan, maka anda akan menjadi lebih **berdisiplin**.

Kejayaan Anda Bakal Menyusul Tidak Lama Lagi

Yakin pada diri, tetapkan matlamat dan berjuanglah untuk mencapai kejayaan buat diri anda. Jika anda belum bermula dan inginkan panduan tambahan untuk mengenal model perniagaan anda, memahami konsep fokus terhadap apa yang ingin anda lakukan, atau anda ingin membina modal pertama anda, saya amat menyarankan kepada anda supaya memiliki [Sistem Rahsia](#) daripada saudara [Amirul Faisyal](#)



[Sistem Rahsia Milik Amirul Faisyal Merupakan Satu Panduan Mudah Untuk Newbie](#)

Saya telah membaca Sistem Rahsia milik Amirul Faisyal ini dan saya merasakan ia amat mudah untuk anda faham dan ikut apa yang beliau sarankan. Cuma yang penting adalah KESUNGGUHAN ANDA untuk melaksanakan apa yang disaran dengan SERIUS ataupun tidak.

Jika 10 orang pakar sekali pun yang memberi pelbagai macam teknik jana wang kepada anda, tetapi jika anda tidak mengusahakannya, atau tidak mengaplikasikan apa yang diajar, maka tidak ada gunanya juga.

Anda yang menentukan nasib diri anda sendiri. Tiada siapa yang dapat mengubah nasib anda melainkan ada usaha yang anda laksanakan untuk mengubahnya.

Jika anda mempunyai modal tambahan yang lebih, saya syorkan supaya anda mendapatkan [Pakej Lengkap Perniagaan Internet](#) yang ditawarkan oleh saudara [Mohd Najib](#) kerana terdapat lebih 8jam video tutorial yang beliau sediakan. Malah beliau juga turut menyediakan ebook panduan untuk bagaimana anda memulakan perniagaan internet anda.

Saya merasakan ia cukup lengkap bagi seorang newbie ingin memulakan perniagaan internet masing – masing. Jika semua kemudahan ini ada sewaktu saya ingin bermula dahulu, saya rasa saya mungkin dapat meraih pendapatan di internet dengan lebih cepat dan mudah. ☺



[Pakej Lengkap Perniagaan Internet Yang Bakal Membimbing Anda Memulakan Perniagaan Internet Anda Yang Pertama](#)

Anda sendiri telah lihat bahawa telah banyak panduan yang disediakan bagi membantu anda. Buatlah keputusan yang tepat dan jangan buang masa lagi tanpa tentu hala. Ingat lagi pesanan saya, **rancang perjalanan anda, beri tumpuan terhadap perjalanan anda** yang satu dan **teruskan sehingga sampai ke destinasi**.

Saya tidak pasti sama ada laporan ebook saya ini berbaloi bagi anda atau tidak. Saya berikan secara PERCUMA kerana ingin berkongsi informasi yang perlu anda tahu. Ada yang mencadangkan kepada saya supaya mengenakan sedikit “caj” untuk laporan ringkas ini kerana ramai yang menganggap sesuatu yang diberi percuma, selalunya **tidak dihargai** oleh penerimanya. Mungkin juga.

Saya amat berterima kasih jika anda menghargai laporan percuma ini dan mengambil berat terhadap apa yang telah saya perkatakan.

Untuk setiap **pelaburan** masa atau wang anda bagi mendapatkan secebis ilmu sesungguh tidak pernah akan merugikan diri anda tetapi sebaliknya **andalah yang rugi** jika tidak mendapatkan ilmu tersebut serta tidak memanfaatkan ilmu yang diperolehi.

Sebelum saya mengakhiri coretan saya, saya akan berikan kesimpulan serta langkah – langkah ringkas untuk apa yang anda lakukan selepas ini. Jangan sekadar baca sahaja, tetapi jadikan ia panduan yang akan membimbing anda untuk sama – sama kita berjaya dalam industri perniagaan di internet ini.

Kesimpulan :

1. Rancangkan apa perkara yang ingin anda laksanakan. (Jual Produk? Cipta Produk? Sertai Affiliate? Beri Perkhidmatan? Pengiklanan? Etc)
2. Dapatkan **ilmu** berkaitan bidang yang ingin diceburi sama ada daripada sumber – sumber percuma ataupun berbayar.
3. Rangka pelan perjalanan perniagaan anda (keperluan, masa kerja, etc)
4. **FOKUS** dengan apa yang telah dirancang dan dirangka. Jangan sering bertukar – tukar pelan atau buat sekerat jalan.

5. Selesaikan kerja – kerja yang perlu dilaksanakan.
6. Mulakan usaha promosi terhadap perkara yang telah disiapkan dengan bersungguh. Cari rakan **Joint Venture** jika perlu.
7. Gunakan keuntungan yang diperolehi untuk menambah ilmu, mendapatkan peralatan perniagaan dan promosi tambahan
8. Ulang langkah – langkah diatas untuk mengembangkan lagi perniagaan anda dan mempelajari bidang – bidang baru pula.

Jika anda kekalkan disiplin diri, saya yakin bahawa anda mampu melakukannya. (p.s – lihat pada perkataan – perkataan yang berwarna “**merah**” yang berada pada coretan saya. Ingat perkara – perkara tersebut ya? ☺)

Akhir kata, semoga kejayaan bakal menjadi milik anda!

Ikhlas,

Mohd Amiol

<http://www.MohdAmiol.com>

<http://www.WebJualan.com>

Jika anda berminat untuk mendapat tips - tips lanjut berkaitan dunia perniagaan internet atau peluang – peluang perniagaan daripada saya, silalah mendaftar di :

www.PeluangInternet.com